

30/09/1999

Campur tangan asing tanda terdesak

Veena Rusli

KOTA BHARU, Rabu - Tindakan pihak pembangkang cuba mengundang kuasa asing ke negara ini bagi menghadapi pilihan raya umum membuktikan mereka tidak mempunyai kekuatan untuk mempengaruhi rakyat menentang kerajaan mengikut landasan demokrasi sebenar.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah, berkata usaha membawa masuk campur tangan asing adalah sesuatu yang membimbangkan dan pihak terbabit sepatutnya menyedari kesan serta akibat daripada tindakan itu.

"Kita yakin pembangkang terdesak kerana kalau dia kuat kenapa dia nak bergantung kepada kuasa atau pertolongan orang luar manakala kuasa asing yang memahami erti sebenar demokrasi tidak akan mencampuri urusan negara lain.

"Ini jelas menunjukkan pihak yang menentang kerajaan tidak mempunyai pengaruh dan kekuatan untuk melawan kerajaan secara sihat mengikut amalan demokrasi yang dibenarkan negara.

"Kita bimbang pihak yang cuba campur tangan dalam urusan negara ini mempunyai kepentingan tertentu kerana setiap kali kita menghadapi pergolakan politik, ada saja pihak cuba mengambil kesempatan mempengaruhi keadaan walaupun itu adalah tanggungjawab rakyat Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita di kediamannya di Palm Manor di sini, hari ini, sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berkata ramai orang asing termasuk dari Amerika Syarikat sedang berusaha mendukung puak pembangkang menjelang pilihan raya.

Mengenai pengalaman menghadapi pilihan raya umum 1990 dan 1995 sebagai pembangkang menerusi Parti Melayu Semangat 46 (S46), Tengku Razaleigh berkata perjuangannya ketika itu tidak pernah dipengaruhi oleh mana-mana pihak asing.

"Sepanjang ingatan saya, tiada sesiapa pun yang cuba mempengaruhi keadaan (pilihan raya) masa itu, baik dari dalam mahu pun luar negara.

"Saya dan rakan-rakan (pembangkang) pun tidak menemui sesiapa melainkan hubungan parti yang berpakat dengan kita (menerusi Angkatan Perpaduan Ummah)," katanya.

Beliau berkata, campur tangan kuasa asing dalam urusan dalaman negara ini hanya akan menimbulkan pelbagai masalah seperti yang berlaku di beberapa negara lain, termasuk kesengsaraan rakyat yang tidak berkesudahan.

Justeru, katanya, rakyat negara ini perlu terus diberi kebebasan untuk memilih wakil mereka dalam menentukan tonggak kerajaan dan hakikat Kelantan diperintah oleh pembangkang adalah bukti amalan demokrasi masih menjadi teras pentadbiran negara.

"Kelantan diperintah parti pembangkang (Pas), Sabah juga pernah berada dalam kuasa pembangkang... ini bererti demokrasi berjalan dengan baik kerana kalau tidak, mustahil pembangkang boleh menubuhkan kerajaan di peringkat negeri atau menjadi wakil di Parlimen.

"Dulu saya pembangkang dan menang pilihan raya umum 1990 serta 1995. Apabila keputusan pilihan raya (Parlimen Gua Musang) 1995 dibatalkan, saya tawar diri lagi untuk pilihan raya kecil dan menang... ini menunjukkan rakyat bebas menentukan siapa yang dipilih.

"Memilih pemimpin adalah hak rakyat dan kalau rakyat salah buat pilihan, rakyatlah yang akan tanggung akibatnya. Selama ini mereka membuat pilihan

yang betul menerusi Barisan Nasional (BN) dan tiada siapa boleh mempertikaikan pencapaian serta kemajuan negara ini," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Tengku Razaleigh yang juga Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno berkata, Umno Kelantan sedia meneladani kejayaan parti itu di Sabah selaras usaha BN menawan semula pemerintahan di Kelantan daripada Pas.

Menurutnya, Umno Kelantan akan mempelajari apa yang dilakukan pimpinan Umno Sabah dan menyerapkan bahagian yang perlu ke dalam strategi di Kelantan bagi memastikan kemenangan pada pilihan raya umum akan datang.

(END)